



**BORANG PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA KERUSI & MEJA BAGI PREMIS  
RESTORAN DI KAWASAN PENGGUNAAN RUANG LEGAR**

**1. BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1.1. Nama Penuh : \_\_\_\_\_  
1.2. No. kad pengenalan : \_\_\_\_\_  
1.3. Alamat Surat-Menyurat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**Gambar Berukuran  
Pasport**

**2. MAKLUMAT PERNIAGAAN**

2.1. Nama Perniagaan : \_\_\_\_\_  
2.2. Alamat Premis Perniagaan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
2.3. No. Lesen Operasi : \_\_\_\_\_

2.3. No. Telefon : H/P: \_\_\_\_\_ Talian Tetap: \_\_\_\_\_ Fax : \_\_\_\_\_

2.4. Waktu Operasi : Beroperasi 24 Jam  Beroperasi Kurang 24 Jam

**3. BUTIR – BUTIR PREMIS**

3.1. Jenis Premis

Rumah Kedai

Kompleks Beli Belah

Lain-lain (Nyatakan) : \_\_\_\_\_

3.2. Kedudukan Premis

Tepi

Tengah

Bangunan Sesebuah

Lain-lain (Nyatakan) : \_\_\_\_\_

3.3 Saiz Ruang Legar Yang Digunakan : \_\_\_\_\_ Meter Persegi

3.4 Jumlah Kerusi Yang Digunakan : \_\_\_\_\_ Unit Kerusi

3.5 Jumlah Meja Yang Digunakan : \_\_\_\_\_ Unit Meja

**4. AKUAN PEMOHON**

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di atas adalah benar. Jika didapati palsu, maka Majlis Daerah Semporna berhak untuk menolak permohonan ini atau membatalkan lesen yang telah dikeluarkan.

Tandatangan & Cop Syarikat : \_\_\_\_\_

Nama Pelesen / Pemohon : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

## SYARAT – SYARAT PERMOHONAN DAN KELULUSAN PERMIT SEMENTARA KERUSI & MEJA BAGI AKTIVITI RESTORAN DI KAWASAN RUANG LEGAR

### 1. PEMOHON DIKEHENDAKI MENGEMUKAKAN DOKUMEN-DOKUMEN BERIKUT SEMASA KEMUKAKAN PERMOHONAN:

- (a) Salinan Lesen Operasi dan Lesen Perniagaan Premis;
- (b) Pelan lantai / gambar atau lakaran kedudukan kerusi / meja yang ditempatkan di ruang legar;
- (c) Salinan rekod suntikan typhoid semua pekerja / pengendali makanan.
- (d) Surat Persetujuan daripada Pemilik Bangunan atau Pemaju;

### 2. KELULUSAN DAN SYARAT-SYARAT PERMIT SEMENTARA KERUSI & MEJA:

- (a) Kadar bayaran:

JENIS RESTORAN	KADAR (RM) RUANG LEGAR	Garis panduan permohonan permit sementara kawasan ruang legar jadual seperti dilampiran
24 Jam	2.50 Sen (Square Meter)	
Bukan 24 jam	2.50 Sen (Square Meter)	

- (b) Dikenakan **Caj Pemprosesan RM50.00**. Pembayaran dibuat setelah permohonan diluluskan;

#### (c) Kawasan ruang legar Premis:

- (i) Lot tepi: empat (4) buah meja sahaja;
  - (ii) Lot tengah: sehingga lapan (8) buah meja sahaja;
  - (iii) Ruang antara lot kedai: sehingga lapan (8) buah meja sahaja;
- (d) Kedai makanan/minuman yang menjual secara (*take away*) bawa pulang dan menjual minuman yang memabukkan seperti bir atau arak tidak dibenarkan;
  - (e) Masa yang dibenarkan bagi pelesen meletakkan kerusi/meja adalah di antara jam 6.00 petang hingga 6.00 pagi bagi kawasan ruang legar. Bagi kaki lima premis perlu di kosongkan untuk kegunaan orang awam.

### 3. JENIS RUANG KOSONG/LAPANG YANG TIDAK DIBENARKAN:

- (a) Ruang letak kenderaan awam di atas jalan raya (Jalan Utama);
- (b) Ruang lapang dan ruang letak kenderaan yang dipisahkan oleh jalan raya utama;
- (c) Lorong dibahagian belakang premis (backlane);

### 4. AKTIVITI-AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN:

- (a) Sebarang aktiviti yang dijalankan diruang kaki lima;
- (b) Sebarang aktiviti memasak dan mencuci di ruang pejalan kaki/kaki lima;
- (c) Meletakkan dan memasang skrin layar;
- (d) Sebarang binaan samada bersifat sementara atau kekal diruang-ruang yang dibenarkan.

### 5. AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIBENARKAN:

- (a) Pemasangan lampu dan lampu hiasan dari punca sambungan premis pelesen itu sendiri;
- (b) Pemasangan kon atau penghadang mudah alih.

### 6. Apa-apa kerosakan harta awam yang diakibatkan oleh penggunaan kawasan ruang legar hendaklah ditanggung oleh pelesen.

### 7. Pelesen adalah bertanggungjawab mematuhi apa-apa syarat oleh jabatan-jabatan teknikal yang lain dan sekiranya berlaku pelanggaran mana-mana syarat majlis atau jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan ,permit ini boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.

### 8. Pelesen hendaklah sentiasa menjaga kebersihan kawasan lapang dari sebarang sampah sarap, sisa minyak dan kekotoran. Kelulusan akan dibatalkan sekiranya tahap kebersihan tidak di jaga.

